

20/03/1997

Presiden Mozambique mulakan lawatan

KUALA LUMPUR, Rabu - Presiden Mozambique Joaquim Alberto Chissano tiba hari ini untuk memulakan lawatan negara selama empat hari.

Beliau dan isteri, Marcelina Rafael Chissano, tiba di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang dengan pesawat khas pada 6 petang dan disambut Menteri Pembangunan Usahawan Datuk Mustapa Mohamed selaku Menteri Pengiring dan isterinya Datin Khamarzan Ahmed Meah.

Chissano dan rombongan rasmi seramai 34 orang termasuk beberapa menteri berada di sini kerana dijemput oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Esok, Chissano akan diberi sambutan rasmi di Medan Parlimen serta menghadiri jamuan negara di Istana Negara.

Chissano juga akan berbincang dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai hubungan dua hala. - Bernama

(END)